

Belanjawan 2023 tawar dana terbesar dalam sejarah negara

Kerajaan Perpaduan tumpu 12 ikhtiar utama berlandas 3 tekad agih kekayaan secara saksama



Kuala Lumpur: Selepas kali terakhir 26 tahun lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam kembali membentangkan Belanjawan 2023 dengan menawarkan peruntukan terbesar dalam sejarah iaitu RM388.1 bilion dengan tekad kekayaan negara digihkan secara saksama kepada semua rakyat tanpa mengira status pendapatan dan sosioekonomi.

Sebanyak RM289.1 bilion daripadanya diperuntukkan untuk belanja mengurus, manakala RM99 bilion lagi bagi pembangunan, termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.

Belanjawan 2023 menumpukan 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad iaitu pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan, reformasi institusi dan tatakelola bagi memulih keyakinan serta keadilan sosial untuk merapatkan jurang antara rakyat.

Ini adalah belanjawan pertama yang dibentangkan di bawah Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar.

Bertemakan 'Membangun Malaysia Madani', belanjawan dicadangkan Anwar yang juga Menteri Kewangan itu disediakan dengan latar belakang ekonomi dunia serba mencabar dengan kerajaan mewarisi beban hutang tinggi dijangka menjangkau RM1.2 trilion tahun ini.

Bagaimanapun, ia tetap memfokus untuk memberikan manfaat kepada semua golongan daripada penaja kecil, pemilik warung, usahawan mikro, pelajar, belia, wanita, penjawat awam, kakitangan swasta hinggalah pealabur.

Menjelaskan keutamaan belanjawannya, Anwar berkata memandangkan pendapatan dan ke-



Anwar beramah mesra dengan menteri Kabinet selepas selesai pembentangan Belanjawan 2023 Malaysia MADANI di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

kayaan negara ini lebih tertumpu kepada kumpulan atasan atau golongan elit, agihan hasil kali ini ditumpukan kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah.

"Kerajaan akan mengambil pendekatan yang progresif dalam konteks subsidi bersasar atau struktur percukaian bagi melindungi golongan kurang bernasib baik dan mengharapkan pemahaman rakyat yang lebih kaya untuk menggalas tanggungjawab secara bersama," katanya.

Memetik surah Al-Hasyr, ayat 7 yang menjelaskan keperluan mengagihkan kekayaan secara adil, Anwar menegaskan bahawa pentadbirannya komited menegakkan keadilan sosial.

"Pengagihan hasil yang adil tidak bermakna layanan sama rata, tetapi berasaskan keperluan," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengambil pendekatan lebih progresif untuk meluaskan asas cukai kepada golongan lebih berkemampuan, antara lain dengan memperkenalkan Cukai Barangan Mewah mulai tahun ini mengikut jenis barang.

Kerajaan juga mencadangkan untuk menaikkan kadar cukai golongan berpendapatan tinggi antara 0.5 hingga dua peratus dengan banjaran pendapatan tahunan lebih RM100,000 hingga RM1 juta, yang akan memba-

bitkan kurang daripada 150,000 pembayar cukai.

Sebaliknya, kadar cukai pendapatan individu untuk golongan pertengahan (M40) akan dikurangkan sebanyak dua peratus membabitkan banjaran lebih RM35,000 hingga RM100,000. Pengurangan ini dijangka membayar kira-kira 2.4 juta pembayar cukai dengan lebih pendapatan boleh guna sehingga RM1,300.

Mengambil kira keadaan ekonomi semasa, dalam keadaan rakyat terbanyak masih susah, inflasi makanan lebih lima per-

tus, kadar upah yang masih rendah, Perdana Menteri berkata kerajaan belum bercadang melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Laporan Jabatan Perangkaan menunjukkan kumpulan 20 peratus pendapatan teratas (T20) di Malaysia ketika ini menguasai 47 peratus atau hampir separuh pendapatan isi rumah di negara ini.

Dari segi tabungan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula, kumpulan T20 memiliki 80 peratus daripada keseluruhan jumlah simpanan dalam tabung

persaraan pekerja swasta itu yang mencecah hampir RM1 trilion.

Kerajaan juga bercadang mengenakan duti eksais produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Bagi memperkasakan peniaga kecil dan pemilik warung, kerajaan menyediakan RM50 juta bagi membina baharu dan menaik taraf 3,000 gerai dan kiosk sebagai kemudahan penaja kecil berniaga di lokasi tumpuan seluruh negara.

Tidak dilupakan penduduk luar bandar dengan peruntukan RM1.5 bilion bagi menaik taraf dan membina baharu jalan perhubungan desa dan jalan luar bandar, RM1.2 bilion bagi memperbaiki 400 klinik daif dan 380 sekolah daif.

Berita gembira juga untuk mereka yang muflis apabila Anwar umum Akta Insolvensi 1967 akan dipinda supaya kes muflis dapat dilepaskan secara automatik pada masa singkat, manakala mereka yang muflis kerana berhutang kurang RM50,000 akan dilepaskan serta-merta mulai 1 Mac ini.

Perdana Menteri turut menegaskan keutamaan kerajaan adalah untuk menghapuskan amalan rasuah dan penyelewengan yang sudah sistemik sehingga mengganggu gugat tadbir urus dan mencalar imej negara.

"Ini mesti dihentikan jika kita mahu negara ini beranjak ke hadapan dengan gagah dan gemilang," katanya.

Bagi memacu pertumbuhan ekonomi, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menumpukan kepada usaha pemuliharaan, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terjejas dengan kesan pandemik lalu.

Kerajaan juga, katanya, akan berusaha menarik sebanyak mungkin pelaburan bermakna yang berupaya memajukan pertumbuhan dan peluang pekerjaan dengan gaji yang setimpal.

Tidak melupakan golongan memerlukan, Belanjawan 2023 turut memberikan perhatian untuk menangani kemiskinan, dengan bantuan sosial masih diteruskan.

"Iltizam kerajaan hari ini adalah untuk menoktahkan kemiskinan tegar. Kira-kira 130,000 orang rakyat tersusah tanpa mengira latar belakang kaum akan segera dibantu untuk keluar daripada belunggu kemiskinan melalui langkah yang lebih menyeluruh," katanya.

